

□□ Program Perintis Mahir Bina (PROPMAB): Lightweight Blockwall Installer Cetus Semangat Kemahiran di Kalangan Pelajar FPTP □□

Parit Raja, 4 Julai 2025 – Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Selatan telah berjaya menganjurkan *Program Perintis Mahir Bina (PROPMAB)* bagi pensijilan kompetensi kemahiran dalam tred *Lightweight Blockwall Installer*.

Program ini dilaksanakan dalam tiga sesi iaitu pada 28 Jun, 3 Julai dan 4 Julai 2025 melibatkan penyertaan aktif pelajar Jabatan Pengurusan Pembinaan (JPP), FPTP. Tujuan utama program ini adalah untuk memperkasakan kemahiran teknikal pelajar serta membolehkan mereka memperoleh **Kad Hijau CIDB** dan **Sijil Kemahiran Kompetensi Pembinaan (SKKP)** yang diiktiraf oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Sepanjang program, peserta telah diberi latihan teori dan praktikal berkaitan pemasangan blok ringan di bawah bimbingan tenaga pengajar berpengalaman dari ABM. Aktiviti ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran teknikal pelajar, malah turut memupuk nilai kerja berpasukan, disiplin, dan keselamatan di tapak bina.

Turut hadir memberikan sokongan dan memeriahkan program ialah pensyarah-pensyarah JPP, wakil ABM Wilayah Selatan dan jurulatih bertauliah CIDB. Kejayaan penganjuran program ini menunjukkan komitmen berterusan FPTP dalam memperkukuh hubungan strategik antara institusi akademik dan industri, serta menyediakan graduan yang kompeten, berdaya saing dan bersedia ke pasaran kerja.

#FPTP UTHM #PROPMAB2025 #CIDB Malaysia #AkademiBinaanMalaysia
#KompetensiPelajar #LightweightBlockwallInstaller #UTHM

The banner features a purple and teal background with a pattern of interlocking blocks. On the right, a woman in a hijab and a man in safety glasses and an orange hard hat are shown working together, with the woman holding a white block. Logos for FPTP (Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan), ABM (Akademi Binaan Malaysia), UTHM, and CIDB are displayed at the top. A red circular callout on the right contains information about a JPP meeting. The bottom section provides dates, location, and organizers.

PROGRAM PERINTIS MAHIR BINA (PROPMAB)
LIGHTWEIGHT BLOCKWALL INSTALLER

JPP DI JEMPUT HADIR TAKLIMAT PADA
13 JUN 2025 DI
KB-DK, ARAS 1,
PUKUL 11 AM

TARIKH: - 28 JUN 2025
- 3 JULAI 2025
- 4 JULAI 2025

LOKASI: - UTHM
- ABM WILAYAH SELATAN

ANJURAN: JK SIJIL KOMPETENSI, JABATAN PENGURUSAN PEMBINAAN





